



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1.0 (a) Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN GRED W5**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- 1.1 (a) Jadual Gaji – Gred W5 : RM1,650.00 (minimum) - RM6,620.00 (maksimum)
- (b) Elaun : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00
- 1.2 Syarat Lantikan: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau
- (ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,650.00); atau
- (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,893.00); atau

Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM2,136.00).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.3 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan serta lain-lain tugas kewangan yang bersesuaian dengan pengoperasian Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

1.4 Taraf Jawatan : Kontrak

- 2.0 (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- 2.1 (a) Jadual Gaji - Gred N1 : RM1,500.00 (minimum) - RM4,680.00 (maksimum)
- (b) Elaun : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00
 Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00
 Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM350.00
- 2.2 Syarat Lantikan: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).
- Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.3 Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Sokongan yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi) di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

2.4 Taraf Jawatan : Tetap

3.1 Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tingkat
7, 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister 10400
PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **27 Mac 2025.**

Catatan Am:

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang yang cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam.